

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	26 MARCH 2017

PM lancar buku 'Pasukan F: Hanya Yang Berani'

KUALA LUMPUR 25 Mac - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini melancarkan buku *coffee table* bertajuk 'Pasukan F: Hanya Yang Berani' sempena sambutan Hari Polis Ke-210, di Pusat Latihan Polis (Pulapol), di sini.

Buku setebal 100 halaman yang diterbitkan dengan kerjasama Kumpulan Utusan itu menyingkap sejarah pasukan elit Cawangan Khas tersebut menghalang cubaan Parti Komunis Malaya (PKM) bertapak semula di negara ini serta pengorbanan 164 pegawai dan anggotanya yang sebelum ini tidak pernah diketahui umum.

Pengasas Pasukan F, **Datuk Dr. Leong Chee Woh** berkata, setelah hampir 50 tahun kewujudan Pasukan F 'disenyapkan', akhirnya impian untuk menyebarkan kejayaan dan risiko yang ditempuhi ahli pasukan itu tercapai.

Menurutnya, walaupun Pasukan F pada awalnya ditubuhkan dengan hanya 15 anggota pada tahun 1971, namun impak yang diberikan amat besar kerana pasukan tersebut bukan hanya menghapuskan musuh, namun turut mengembangkan maklumat daripada pengganas komunis yang ditawan.

"Dalam tempoh 20 tahun perjuangan, Pasukan F telah menjayakan berpuluh-puluh operasi termasuk Op Kelah, Op Ular, Op Taloong dan Op Paraku sehingga membawa kepada Perjanjian Haadyai 1989," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Hadir sama pada pelancaran buku itu ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar.

Sementara itu, bekas pegawai Pasukan F, **Kamarudin Hashim**



NAJIB TUN RAZAK dan Ahmad Zahid Hamidi tertarik dengan kandungan buku *coffee table* 'Pasukan F: Hanya Yang Berani' sambil diperhatikan oleh Khalid Abu Bakar pada majlis pelancarannya di Kuala Lumpur, semalam.

memberitahu, beliau bersyukur dengan pelancaran buku tersebut kerana secara tidak langsung masyarakat dapat menyelami sejarah dan perjuangan pasukan berkenaan yang ketika itu bertungkus-lumus memastikan negara dalam keadaan aman tanpa ancaman komunis.

"Inilah masanya sejarah diperbetulkan kerana selama ini kisah perjuangan kami tidak pernah didedahkan ekoran terikat dengan kerahsiaan. Kami telah banyak berkorban dan sanggup mengambill risiko demi mempertahankan kedaulatan negara sehingga negara kini mampu membangun dengan pesat tanpa gangguan.

"Saya juga berharap pihak

kerajaan dapat memberi perhatian terhadap bekas anggota Pasukan F yang selama ini bagaikan 'wira yang tidak didendang' kerana kami masih terikat dengan kerahsiaan operasi sehinggakan kami tidak mendapat pengiktirafan dan penghargaan yang sepatutnya," ujarnya.

Seorang lagi bekas pegawai Pasukan F, **Zulkifliin Hussain** berkata, pendedahan sejarah penglibatan Pasukan F yang memainkan peranan besar sehingga termeterainya Perjanjian Haadyai pada 1989 merupakan sesuatu yang harus dilakukan sejak dahulu lagi.

"Sudah terlalu lama kami menyimpan segala rahsia operasi, jadi sempena dengan pelancaran

buku ini, kami juga berharap perjuangan dan pengorbanan kami untuk negara selama ini mendapat perhatian kerajaan," ujarnya.

SEMINAR

Hebat

2017

Di bawah Program
Kecemerlangan Pendidikan

Program Kecemerlangan Pendidikan bersama Utusan Melayu Malaysia Berhad (UMMB) dibawah Kendalian Eksklusif Berkat Minda Resources (BMR) akan diadakan di beberapa tempat terpilih seluruh negara.